

Meneruskan kegemilangan sejarah pemerintahan negeri Tanah Beradat

» *Tuanku Muhriz berjiwa rakyat, aktif kegiatan amal dan kebajikan*

Oleh Tuty Haryanti Ahmad
Rodzi
tuty@bh.com.my

Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, yang ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ke-11 pada Oktober 2009 meneruskan kegemilangan sejarah panjang pemerintahan diraja negeri Tanah Beradat ini.

Institusi diraja di negeri ini bermula lebih 200 tahun lalu, bermula dengan pertabalan Raja Meliaw yang berasal dari Pagar Ruyung, Sumatera, pada 1773.

Sejak itu, jawatan yang menjadi saingan rakyat silih berganti sehingga Tuanku Muhriz, memegang tampuk singgasana tujuh tahun lalu.

Baginda diputerakan pada 14 Januari 1948 daripada pasangan diraja, Tuanku Munawir dan Tuanku Ampuan Durah.

Pada usia 12 tahun, baginda dilantik dan ditabalkan sebagai Tunku Laksamana pada tahun 1960, iaitu kedudukan kedua daripada Putera Yang Empat.

Setahun kemudian, Tuanku Muhriz dilantik sebagai Tunku Besar Seri Menanti, iaitu kedudukan tertinggi dalam kalangan Putera Yang Empat, gelaran yang disandanginya selama 47 tahun.

Kecemerlangan akademik

Tuanku Muhriz yang dibesarkan di Negeri Sembilan, mendapat pendidikan awal di Sekolah Tuanku Muhammad di Kuala Pilah dan Sekolah Tunku Besar Tampin, sebelum memasuki zaman menengah di Sekolah King George V di Seremban.

Baginda kemudian memasuki Aldenhams School di United Kingdom dan menduduki peperiksaan O Levels dan A Levels.

Kecemerlangan akademik baginda diteruskan dengan menduduki pengajian dalam bidang perundangan di Universiti Aberystwyth, jajah unjangan di London pada 1970.



Sekembali ke tanah air, Tuanku Muhriz mencetus berjaya dalam pelbagai bidang, termasuk perbankan, kewangan dan pengiklanan, yang secara tidak langsung memberi pendedahan dan pengalaman luas kepada baginda mengenai industri berkeajaan.

Tuanku Muhriz terkenal kerana aktif dalam kegiatan amal dan kebajikan, termasuk menjadi Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tinggi.

Melalui penyertaan dalam yaysan itu, ramai pelajar negara ini yang cemerlang, tetapi tidak berkemampuan mendapat pendidikan untuk meneruskan pengajian pada peringkat universiti.

Bertemu Jodoh

Ketika bertugas di sebuah bank di Kuala Lumpur, Tuanku Muhriz bertemu puteri kerabat diraja Terengganu, Tengku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Pasangan diraja ini melang-



Tuanku Muhriz bersama Tengku Aishah Rohani berkesempatan mencemar duli ke Majlis Rumah Terbuka Menteri Besar Negeri Sembilan di Kampung Tanjung, Rantau, Negeri Sembilan.

(FOTO: KURNIA HAQIM ROSBIDAN)



Tuanku Muhriz dilantik sebagai Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Ketiga.

sungkan perkahwinan pada 25 April 1974 dengan istiadat berlangsung di Istana Maziah Kuala Terengganu, Istana Lama Seri Menanti di Kuala Pilah serta Istana Munarrah, Seremban.

Perkahwinan itu dikurniakan tiga putera, Tunku Ali Redhauddin, Tunku Zain Al-'Abidin dan Tunku Alif Hussein Saifuddin Al-Amin.

Bagi rakyat Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz adalah seorang raja yang berjiwa rakyat. Setiap

Jumaat dengan ditemani puteri baginda, akan menunaikan solat Jumaat di masjid berbeza-beza di negeri ini, sekali juga dapat beramah mesra dengan rakyat.

Perwatakan baginda yang setiausaha tersenyum memperibadikan baginda, Almarhum Tuanku Muhriz, Tuanku Abdul Rahman dan Tuanku Abdul Rahman Tuanku Mahmud yang juga Yang di-Pertuan Agong pertama.